

TARIKH	23 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	55	RUANGAN	Sukan

Futsal TaHa, NSTP di Galaxy Bangi

Kuala Lumpur: Kejohanan Futsal Antara Sekolah Menengah dan Antara Universiti 2012, anjuran Kelab TaHa dan TaHa@U, Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH akan berlangsung di Galaxy Futsal Bangi, pada Sabtu dan Ahad ini.

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali, berkata pelajar dan penuntut universiti yang berminat menyertai pertandingan itu masih boleh berbuat demikian dengan mendaftar sebagai ahli Kelab TaHa atau TaHa@U melalui kaunter yang akan dibuka pada Sabtu ini di lokasi pertandingan.

"Selepas menjadi ahli kelab, barulah mereka boleh mendaftar untuk menyertai pertandingan kerana syarat utama ialah peserta perlu menjadi ahli Kelab TaHa atau TaHa@U.

30 kategori universiti

"Setakat ini, sebanyak 50 pasukan sudah mengesahkan penyertaan bagi kategori sekolah menengah manakala 30 pasukan bagi kategori universiti.

"Kelainan pertandingan futsal anjuran Tabung Haji yang sudah masuk tahun kedua ini mewajibkan peserta memakai



(Dari kiri), Pengurus Jualan Kawasan Selangor Jabatan Pengedaran NSTP, Mahmud Mat Ali, Pengurus Besar Khidmat Pelanggan, Mohammad Saimi Mat Som dan Kamarudin menyerahkan baju-t untuk Pertandingan Futsal anjuran Tabung Haji dan BH melalui Kelas TaHa dan TaHa@U.

[FOTO SHIRAZ ALL/BH]

pakaian yang menutup aurat serta menunaikan solat Zuhur secara berjemaah di dalam gelanggang," katanya.

Juara bagi kategori universiti akan membawa pulang ha-

diah RM3,000, naib juara RM2,000 dan tempat ketiga RM1,000 manakala bagi kategori sekolah menengah juara mendapat RM1,500, naib juara (RM1,000) dan tempat ketiga

(RM500). Lima pasukan akan dipilih sebagai penerima hadiah sagu hati bagi setiap kategori dan berpeluang membawa pulang wang tunai RM300.